

KEWAJIPAN UMAT ISLAM MEMILIH PRODUK HALAL

11 Jamadil Akhir 1443H | 14 Januari 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ .

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Marilah kita menghayati Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala dalam surah al-Baqarah ayat 168:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ

لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Yang bermaksud : *“Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu.”*

Ayat ini memberi peringatan kepada kita semua bahawa Umat Islam dituntut supaya mencari yang halal. Mencari yang halal itu adalah suatu kefardhuan. Umat Islam diwajibkan mencari pekerjaan, makanan dan minuman yang benar-benar halal lagi baik, yakni suci, bersih dan berkhasiat. Begitu juga dalam memilih restoran, kedai makan dan produk, hendaklah mencari dan memilih produk yang dijamin halal dan bersih.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Percampuran produk dalam pasaran berkemungkinan bercampur dengan perkara yang diharamkan dalam Islam. Seperti sesuatu yang

bersumberkan dari arak, babi, darah, dan perkara-perkara yang najis dalam Islam.

Bagi mengelakkan kita memakan dan menggunakan produk yang diharamkan dalam Islam maka carilah produk yang telah mendapat pengiktirafan Pensijilan Halal yang telah diperakui oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Ini adalah kerana sesuatu produk yang telah mendapat pengiktirafan halal telah diperiksa dan diuji sebelum dipasarkan. Ia dijamin halal dan baik untuk dimakan atau digunakan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari:

إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ وَابْنِ الْحَرَامِ بَيْنَ وَابْنِ الْحَرَامِ بَيْنَ وَابْنِ الْحَرَامِ بَيْنَ وَابْنِ الْحَرَامِ
... كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ

Yang bermaksud : *“Sesungguhnya perkara yang halal itu terang jelas, dan sesungguhnya perkara yang haram itu terang jelas, dan antara kedua perkara tersebut ada perkara-perkara syubhat yang kesamaran yang kebanyakan orang tidak mengetahuinya.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala

Bagi membangunkan ekonomi umat Islam maka kita seharusnya mendahulukan membeli produk halal yang telah diusaha dan dipasarkan oleh orang Islam kerana terjamin halal dan baiknya. Ia juga bertujuan

bagi membangunkan rantaian ekonomi umat Islam khususnya di negara kita ini dengan lebih baik.

Slogan *Buy Muslim First (BMF)* bukanlah slogan untuk memboikot produk non muslim tetapi untuk memberi kesedaran kepada umat Islam agar mengutamakan membeli produk muslim bagi memberikan kebaikan kepada umat muslim itu sendiri. Apabila para peniaga muslim itu bertambah maju maka mereka dapat mengeluarkan zakat dan bersedekah untuk kebaikan umat Islam. Perkara ini sepatutnya menjadi amalan sepanjang hayat dalam hidup kita, bukan bermusim.

Allah Subhanahu wa-Ta'ala menyuruh kita saling membantu antara satu sama lain bagi kebaikan umat Islam, sepertimana firman Allah Subhanahu wa-Ta'ala dalam surah al Maidah ayat 2 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۗ

إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٢﴾

Yang bermaksud : “Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan taqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksa-Nya (bagi sesiapa yang melanggar perintah-Nya).”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنْ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ
هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .